



Kedai-Buku.com | Gedung Buku Online Malaysia | Malaysia Online Book Store

Kedai-Buku.com

IP 7 Tahapan Dakwah Fardiah

RM 5.00

Tajuk : 7 Tahapan Dakwah Fardiah
Pengarang : Sheikh Mustafa Masyhur
Penerbit : Iman Publications
ISBN : 978-983-2423-06-5
Mukasurat : 36 Halaman
Status Stok : ADA

Melalui penelitian dan kajian terhadap masyarakat kita, kita akan mendapati bahawa kelemahan iman di jiwa, tidak memahami hakikat Islam dengan sebenarnya dan serangan pemikiran adalah faktor utama yang menyebabkan kaum Muslimin berada dalam suasana yang ada pada hari ini. Ia juga merupakan faktor utama yang membolehkan musuh-musuh Allah menjadikan sebahagian kaum Muslim sebagai kuda tunggangan bagi memerangi Islam; samada mereka sedari atau tidak.

Jangan kita berharap akan terbitnya kesedaran, tindakan, amal mahupun produktiviti yang baik untuk Islam daripada orang seperti ini, sebelum iman dibangkitkan dari dalam jiwa mereka terlebih dahulu. Hal ini kerana, iman akan mendorong mereka untuk mengenal Allah dan memahami Islam. Di samping itu, beramal dan berjuang untuk Islam serta mempertingkatkan diri menjadi para *â€˜*amilin (golongan yang beramal) yang soleh.

Elok jika diperingatkan di sini bahawa, melalui jalan mengikut tertib dan turutan dalam menaiki tangga menuju martabat para *â€˜*amilin adalah suatu kemestian dan penting. Tidak mengikut tertib dan turutan ini boleh mengakibatkan kemunduran, kejatuhan lalu mengambil sikap berdiam diri dan duduk berpangku tangan di kalangan madâ€™TMu (orang yang diseru). Para *â€˜*amilin harus terus bersabar. Dia mesti mengharap balasan usahanya daripada Allah dan mengikut jejak langkah junjungan kita Nabi Muhammad S.A.W. Baginda menyeru manusia dan terdedah kepada gangguan dan cercaan.Â Baginda tetap bersabar dan terus meneruskan dakwah sambil berdoa:

â€œWahai Tuhanku! Berilah hidayah kepada kaumku kerana sesungguhnya mereka tidak mengerti.â€•

Di dalam pengertian ini, al-Imam as-Syahid Hassan al-Banna berkata:

â€œJadilah kamu seperti pokok buah-buahan, manusia membalingnya dengan batu tetapi dia menggugurkan buah-buahan kepada mereka.â€•

[Vendor Information](#)

There are yet no reviews for this product.

Please log in to write a review.